

# → SUKAN

# 'Kita kini ada 4 juara dunia'

Khairy sifatkan detik membanggakan buat arena sukan negara

Oleh Khairil S Iswan dan Syafiq Aznan  
bhsukan@bh.com.my

▪ Sepang

**E**mpat juara dunia yang dicipta dalam tempoh empat bulan pada tahun ini disifatkan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar sebagai kejayaan cukup membanggakan buat arena sukan negara.

Ketika ditemui pada majlis sambutan wira kepulungan kontinen terjun negara dari Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest, Hungary di sini, semalam beliau berkata kejayaan atlet terjun, Cheong Jun Hoong yang muncul juara dunia diharap menjadi asas kepada lebih banyak kejayaan terutama dalam misi muncul juara keseluruhan di temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017).

"Tahniah kepada pasukan terjun negara terutama kepada Jun Hoong iaitu juara dunia dalam

acara terjun 10 meter platform individu wanita yang juga juara dunia pertama Malaysia dalam sukan terjun.

#### Harap terus tuai kejayaan

"Ia tahun yang menakjubkan terutama buat sukan terjun negara kerana apa yang dicapai oleh mereka di Budapest jauh melebihi jangkaan kita. Kejayaan ini cukup membanggakan negara."

"Saya harap sukan terjun di Malaysia akan terus menuai kejayaan. Kita kini adalah negara sukan terjun dunia dan mensasarkan untuk raih lebih banyak kejayaan di masa depan."

Begitupun di sebalik kejayaan di peringkat dunia, Khairy tetap mahu kontinen terjun negara mempamerkan aksi konsisten terutama dalam usaha menyapu bersih semua 13 emas dalam acara terjun yang ditawarkan di KL2017.

"Cabarannya paling dekat ialah Sukan SEA dan sekali pun ia bukan Kejohanan Dunia, kita mahu memastikan supaya kita dapat meraih semua pingat emas yang ditawarkan," katanya.

"Pelaburan dalam sukan ini sudah kita dapat lihat kejayaannya ketika ini," katanya.


Khairy dalam pada itu berkata pihaknya akan mempergiatkan pembangunan sukan terjun di seluruh negara selain membina kolam latihan terjun khas di Kompleks Sukan Bukit Jalil selepas KL2017 berakhir.



Cabarannya paling dekat ialah Sukan SEA dan sekali pun ia bukan Kejohanan Dunia,

kita mahu memastikan supaya kita dapat meraih semua pingat emas yang ditawarkan"

**Khairy Jamaluddin Abu Bakar,  
Menteri Belia dan Sukan**



Jun Hoong meraikan kejayaan bersama peminat dan rakan-rakan di KLIA, semalam.

Untuk video layari [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)